

Wanita dalam Islam

Ruangan alam wanita pada kali ini kita isi dengan sebuah makalah terjemahan yang kita petik dari buku “*Al-Ṣiddīqah binti al-Ṣiddīq*” karangan almarhum al-Ustādh ‘Abbas Mahmud al-Aqqad seorang pujangga Arab yang terkenal di seluruh dunia persuratan dan alam Islam. Bacalah kupasan beliau mengenai taraf kedudukan kaum wanita setelah berkembangnya ajaran-ajaran Islam di seluruh pelusuk alam.

Karangan pujangga ‘Abbas al-Aqqad

Alam Wanita

Dengan kedatangan Islam, maka dengan

serta-merta bertukar coraklah kedudukan seorang wanita di dalam sesuatu masyarakat kepada peringkat dan taraf yang lebih tinggi. Taraf kedudukan kaum wanita semakin bertambah jelas tatkala Islam meletakkan sesuatu kewajipan yang sama dengan kaum lelaki dari segi hukum-hukum “*taklīf*” (kewajipan beribadah di dalam Islam”).

Islam dengan tegasnya telah meletakkan tanggungjawab yang sama terhadap kaum wanita sebagaimana yang telah dipertanggungjawabkan ke atas kaum lelaki, melainkan beberapa perkara yang menjadi amalan khas bagi kaum lelaki, amalan yang tidak dapat dilaksanakan oleh kaum wanita yang bertenaga lemah – menurut takrif yang sebenarnya.

Islam menjamin bahawa kaum wanita adalah di antara golongan manusia yang terpelihara hak-hak dan kewajipannya. Misalnya, tiap-tiap seorang wanita tidak sah nikahnya melainkan setelah diminta fikiran dan keizinannya, kerana soal kahwin adalah hak dirinya sendiri, Islam menghormati hak-hak

mereka itu. Selain dari itu dia berhak memiliki, berhak menjual dan membeli apa sahaja yang dikehendakinya asal sahaja tidak melanggar batas-batas agama. Malahan dia berhak mempusakai harta peninggalan warisnya (kaum keluarganya) yang meninggal dunia. Sedang pada zaman Jahiliyah kaum wanita diharamkan sama sekali daripada menerima harta pusaka, dengan alasan bahawa kaum wanita itu makhluk yang lemah tidak berdaya memanggul senjata (alasan ini adalah suatu alasan yang tipis – P.) bahkan pada zaman itu kaum lelaki berhak mempusakai kaum wanita sebagaimana mereka mempusakai harta benda peninggalan si mati.

Adat dan cara hidup bermasyarakat yang merendah-rendahkan taraf dan kedudukan kaum wanita itu dibasmi habis-habisan oleh Islam. Kedudukan kaum wanita terus-menerus dibela, mereka diberi hak yang sama dengan kaum lelaki di lapangan politik dengan membolehkan mereka mengikat janji setia (*mubāya‘ah*) di dalam

sesuatu pilihan raya yang diadakan pada zaman permulaan Islam. Di lapangan pergaulan pula kaum lelaki diperintahkan supaya berlaku adil, memberikan layanan yang baik dan mencurahkan perasaan bertimbang rasa terhadap kaum wanita.

Seluruh masyarakat orang-orang Islam telah diperintahkan oleh Tuhan supaya menerima dengan rela hati apa sahaja anak yang dilahirkan oleh seorang wanita, baik anak itu seorang lelaki mahupun perempuan. Allah dengan kerasnya melarang orang-orang Islam melakukan pembunuhan-pembunuhan yang kejam terhadap anak-anak perempuan kerana takutkan kehinaan dan kepapaan.

Al-Qur’ān telah mengajar supaya seseorang lelaki itu cuba melawan perasaannya tatkala ia dihinggapi oleh penyakit benci kepada isterinya. Mudah-mudahan dengan jalan itu ia akan insaf kepada kesalahannya dan akan berbalik semula mencintainya. Manakala Rasulullah pula sering kali berpesan kepada umatnya supaya bersikap timbang rasa terhadap kaum

Alam Wanita...

wanita dengan sabdanya: “*Khayrukum khayrukum li al-nisā’i mā akrama al-nisā’a illā karīm, wa lā ahānahunna illā la’īm*”

Ertinya: “Sebaik-baiknya orang daripada kamu ialah orang yang berlaku baik terhadap kaum wanita. Orang yang memuliakan kaum wanita itulah orang yang berbudi halus lagi mulia, dan orang yang menghinakan mereka itulah orang yang tidak berbudi.”

Lebih tegas lagi Rasulullah menjelaskan dalam suatu hadithnya yang lain: *Mā zāla Jibrīlu yūṣṣinā bi al-nisā’, hattā zanantu annahu sayuḥrimu tallāqahunn.*” Ertinya: “Sentiasa Jibrīl berwasiat kepada aku darihal wanita, sehingga berat sangkaanku mempercayai bahawa mentalakkan perempuan itu hampir-hampir diharamkan.”

Di lapangan menuntut ilmu pengetahuan pula Islam menyamakan kewajipan di antara kaum lelaki dan kaum wanita sebagaimana sabda Junjungan besar Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu alayhi wa sallam*. “*Ṭalabu al-‘ilmi farīdatun ‘alā kulli muslimin wa muslimah*” ertinya: “Menuntut ilmu itu wajib di atas setiap orang Muslim lelaki dan perempuan.”

Lebih luas lagi soal menjaga kehormatan kaum wanita ini diperkatakan oleh Rasulullah sehingga meliputi peringkat rendah daripada golongan hamba sahaya perempuan sebagaimana sabdanya: “*Ayyumā rajulin kānat ‘indahū walīdatun, fa ‘allamaha fa aḥsana ta’līmahā, wa addabahā fa aḥsana ta’dibahā, thumma a‘taqahā wa tazawwajahā fa lahu ajrān.*” Ertinya: Seseorang lelaki yang ada

bagi seorang hamba sahaya perempuan (yang masih kecil), maka ia berusaha mengajarnya dengan sempurna dan mendidik dengan adab sopan yang sempurna, kemudian ia memerdekakannya dan berkahwin dengannya, maka orang itu akan mendapat dua pahala.”

Inilah dia taraf kedudukan seorang wanita di dalam Islam. Dan inilah dia “*mu‘āmalah*” (cara pergaulan) yang telah diwajibkan oleh adab kesopanan Islam kepada seluruh kaum Muslimin.

Bagaimanapun rupa dan corak pendapat yang telah diberikan oleh para sarjana dan ahli-ahli fikir dunia terhadap kedudukan kaum wanita dari sejak zaman kuno hingga ke zaman *modern* ini, maka soal yang tidak boleh disangkal akan kenyataannya ialah bahawa Islam telah mengangkat darjat kehidupan kaum wanita dari lembah kehinaan diletakkan kepada setinggi-tinggi taraf kedudukan untuk turut sama membina ke arah kemajuan di samping kaum lelaki.

Junjungan kita *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* telah menjadikan soal bertolak ansur, berlemah lembut dan bertimbang rasa terhadap kaum wanita itu adalah menjadi suatu ukuran untuk menguji ketinggian akhlak dan budi pekerti kaum lelaki, dengan sifat-sifat inilah juga kaum lelaki berlumba-lumba menuntut darjat kemuliaan hidup yang sempurna di dalam suatu masyarakat, oleh kerana itulah baginda berkali-kali bersabda: “*Khayrukum khayrukum li ahlihi, wa anā khayrukum li ahli.*” Maksudnya: “Sebaik-baik kami ialah orang yang berlaku baik terhadap anak

isterinya, dan aku orang yang terlebih baik daripada kamu terhadap anak isteriku.”

Telah sedia dimaklumi bahawa Junjungan kita *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* sewaktu berada di dalam rumahnya tidak keberatan baginda membantu pekerjaan-pekerjaan yang dilakukan oleh isteri-isteri baginda di rumah. Apabila masuk waktu sembahyang maka baginda pun menunaikan kewajipan terhadap Tuhannya. Cara pergaulan suami isteri yang demikian itu sangat digemari oleh baginda, kerana itu akan mempereratkan perasaan kasih mesra di antara keluarga dan membawa kepada suasana di dalam rumah tangga sentiasa di dalam keadaan aman dan damai. Dari kerana itu beliau bersabda: “*Khidmatuka li zawjatika ṣadaqah.*” Ertinya: “Khidmat yang engkau lakukan terhadap isterimu adalah suatu sedekah – (mendapat pahala).”

Dalam soal ini dan di dalam segala soal-soal yang lain Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* patut dijadikan sebaik-baik contoh dan tauladan. Baginda sangat menghormati kaum wanita dan tersangat tertib di dalam menyelenggarakan pergaulan rumah tangga. Baginda sentiasa tersenyum kepada anak isterinya tidak pernah kelihatan bermasam muka terhadap mereka. Sifat-sifat ini telah diceritakan oleh Saiyidatina ‘Ā’ishah *raḍīya Allāhu ‘anhā* dengan katanya: “*Kāna alyana al-nāsu ḍaḥḥākan bassāmā*” maksudnya: Baginda adalah selembut-lembut manusia sentiasa ketawa dan tersenyum.”

Rasulullah amat cinta dan bertimbang rasa kepada ahli rumahnya, lebih

Alam Wanita...

daripada perasaan cinta yang ditumpahkan oleh ibu bapa mereka sendiri.

Hal ini pernah diceritakan oleh Saiyidatina ‘Ā’ishah di dalam beberapa hadith yang diriwayatkan olehnya sendiri. Di antara hadith-hadith tersebut dia berkata.

“Pada suatu masa telah terjadi satu pertengkaran kecil di antara saya dengan Rasulullah. Tiba-tiba baginda bersabda: “Wahai ‘Ā’ishah! Siapakah orang yang engkau berkenankan menjadi orang tengah untuk menyelesaikan perselisihan kita ini? Adakah engkau berkenan kepada Abū ‘Ubaydah ibn al-Jarrāh.” Jawab saya: ‘Tidak! kerana Abū ‘Ubaydah seorang yang bersifat lemah-lembut, sudah tentu ia akan berat menyebelahi tuan hamba’. ‘Kalau begitu sukaakah engkau kepada ayahmu?’ tanya Rasulullah. ‘Ya!’ jawab saya. Maka baginda pun terus memanggil ayah saya. Setelah beliau datang maka baginda pun bersabda: ‘Wahai ‘Ā’ishah! Ceritakanlah hal pertikaian kita itu!’

‘Tidak! Tuan hambalah ceritakan lebih dahulu!’ jawab saya. Rasulullah pun terus menceritakan hal pertikaian itu dengan katanya: ‘Ā’ishah telah melakukan begini, begini. Saya pun menyampuk dengan berkata: ‘Bercermatlah sedikit!’ Tiba-tiba ayah saya telah mengangkat tangannya dan menampar muka saya sambil berkata: ‘Berani engkau berkata – bercermatlah sedikit – wahai anak Umm Rūmān!’ (gelaran ibu ‘Ā’ishah)... pada ketika itu darah telah meleleh keluar dari

hidung saya. Melihat keadaan itu Rasulullah dengan rupa yang terharu lantas berkata: ‘Bukanlah ini yang kita kehendaki’ lalu baginda membasuh darah yang mengenai baju saya seraya bersabda lagi: ‘Sekarang engkau telah melihat apa sudah jadi, dijauhkan Allah kiranya kejadian ini akan berlaku lagi...’”

Perasaan timbang rasa dan kasih sayang yang terpendam di lubuk hati mulia Rasulullah bukan sahaja terhadap isteri-isteri baginda yang masih hidup, malahan terhadap isteri-isteri baginda yang telah wafat pun masih tetap baginda kenangi akan jasa-jasa baiknya. Jasa-jasa baik dan pengorbanan-pengorbanan besar yang telah diberikan oleh isteri baginda yang pertama Saiyidatina Khadījah bin Khuwaylid adalah menjadi suatu ingatan yang tidak mudah dilupakan oleh baginda Rasulullah di sepanjang hayatnya. Apabila Saiyidatina Khadījah meninggal dunia, maka sangatlah mendukacitakan perasaan Rasulullah. lalu baginda menamakan tahun kewafatan Saiyidatina Khadījah itu dengan nama “‘Ām al-Ḥuzn” (tahun duka nestapa).

Kenangan dan ingatan yang tak putus-putusnya dilahirkan oleh Rasulullah terhadap almarhumah *Umm al-Mu’minīn* Saiyidatina Khadījah itu telah menjadikan Saiyidatina ‘Ā’ishah naik cemburu kepada madunya yang telah lama wafat itu. Perasaan cemburu yang meluap-luap keluar dari kalbu Saiyidatina ‘Ā’ishah itu kadangkala sampai melebihi cemburu terhadap madu-madunya yang sedia masih hidup sezaman dengannya. Kerana desakan dari perasaan cemburu yang meliputi batas inilah

pada suatu ketika Saiyidatina ‘Ā’ishah telah terpaksa memecahkan rahsia hatinya dan lalu berkata kepada Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* dengan perasaan yang mendadak:

“Siapa dia Khadījah? Dia seorang tua yang telah pun Tuhan menggantikan kepada tuan hamba dengan seorang isteri yang lain yang lebih elok dan rupawan daripadanya!” Rasulullah tidak bersenang hati mendengarkan kata-kata penghinaan yang dituturkan oleh Saiyidatina ‘Ā’ishah itu, maka dengan secara murka baginda menjawab: “Tidak! Demi Allah Tuhan belum lagi menggantikan bagiku dengan seorang isteri yang lebih baik daripadanya. Betapa tidak? Kerana dia (Khadījah) telah beriman kepadaku pada ketika orang ramai ingkar dan memusuhi aku. Khadījah telah mempercayai dan membenarkan akan ajaran-ajaran agama suci yang aku bawa, sedang orang ramai pada ketika itu mendustakan aku. Khadījah banyak berkorban menolong perjuanganku menegakkan agama Allah dengan tenaga dan harta bendanya, sedang pada ketika itu orang ramai menahan segala rupa bantuan kepadaku. Daripada Khadījah juga Tuhan telah menganugerahkan kepadaku beberapa orang anak yang sangat aku cintai.”

Kesetiaan yang telah ditunjukkan oleh baginda Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* terhadap isterinya yang sekian lama telah wafat itu rasanya memadailah bagi menjadi ubat penawar yang boleh menjadikan isteri yang baharu itu insaf akan dirinya dan dengan mudah dapat melupakan perasaan cemburunya yang melulu itu.

Memperkenalkan negara-negara Islam:

Sejarah Iran

Bersempena dengan memperingati lawatan Duli Yang Maha Mulia Mohammad Reza Pahlavi Shahanshah Iran dan Permaisuri Shahbanu Farah Diba ke Malaysia pada bulan Januari yang lalu, maka mulai dari bilangan ini majalah Qalam menghadirkan kepada para pembaca sekalian sejarah negara Iran, iaitu sebuah di antara negara-negara Islam yang tertua dan mempunyai sejarah yang gilang-gemilang dari sejak zaman purba hingga ke hari ini. – Pengarang

Ilmu Alam

Ketua negara: Duli Yang Maha Mulia

Mohammad Reza Shah Pahlavi

Duduknya: Negara Iran terletak

di sebahagian besar daripada daratan tinggi Iran, iaitu di sebelah baratnya,

di antara Sungai Indus dengan

Sungai Tigris di Barat Daya Asia.

Ia disempadani di timur oleh

Pakistan dan Afghanistan,

di utara oleh Rusia dan Lautan

Caspian, di barat oleh Iraq dan

Turkistan di selatan oleh Teluk

Parsi dan Teluk Amman. Ia

mempunyai kawasan seluas

628,060 batu persegi.

Keadaan bumi: Iran terdiri

dari dataran tinggi di sebelah tengah,

dari 3,000 hingga 5,000 kaki

tingginya yang boleh dikatakan dikelilingi

oleh daerah-daerah bergunung-ganang. Banjaran

gunung yang besar sekali ialah

Zagros, yang menganjur dari barat

Laut Iran, di mana tapal batas

Iran, Rusia, Turki, dan Iraq

bertemu, mula-mula ke arah barat daya

ke pantai timur Teluk Parsi,

kemudian ke arah timur. Bertentangan dengan

Laut Arabia, dan berlanjutan

ke Baluchistan.

Banjaran Elburz, yang lebih kecil

tetapi sama tinggi, bertemu dengan

Zagros di barat laut dan menganjur

di pantai selatan Laut Caspian;

sedangkan di tapal batas timur Iran

terdapat banyak banjaran-banjaran gunung yang kecil dan tidak begitu panjang.

Satu daripada kemuncaknya, ialah

kemuncak gunung berapi Damavand,

ialah yang paling tinggi di negeri itu.

Dataran tinggi di sebelah tengah itu

sebahagiannya diliputi oleh paya air

masin (di panggil *kavir*) dan

sebahagian lagi diliputi oleh

pasir atau batu-batu (dipanggil

dahsht), dan mengandungi juga

kawasan-kawasan yang keadaan tanahnya lebih

baik, berhampiran dengan lereng-lereng

gunung.

Di kawasan-kawasan itu banyak pekerjaan

bercucuk tanam diselenggarakan, tetapi

sebahagian besar daripada kawasan-kawasan

padang pasir dan paya di sebelah tengah

daratan tinggi itu tidak didiami

orang. Iran tidak mempunyai

sungai-sungai yang mengalir di tanah-tanah tinggi

di sebelah barat dan barat daya semakin

berkurangan ke arah selatan. Sungai

Karoun ialah satu-satunya sungai yang

boleh dilalui kapal. Di sebelah selatannya

ialah Sungai Tib di mana terdapat

benteng Arabistan, iaitu sekeping

tanah yang luas dan subur. Sefid

Rud (Sungai Putih) mengalir ke Laut

Caspian. Tasik yang luas sekali

ialah Rezaiyeh, lebih daripada 1,600

persegi.

Iklim: Iklimnya pada keseluruhannya

kering dan terlalu panas,

sungguhpun di beberapa daerah yang

tinggi hawanya terlalu sejuk.

Hawanya di sebelah ulu kadang-kadang meningkat

hingga 130 darjah sedangkan

Zagros di barat laut hawa sejuk

20 darjah pernah dialami dan 0

darjah kerap juga terdapat di beberapa

tempat. Beberapa daerah di barat laut dan

utara banyak mendapat hujan, hingga

80 inci di beberapa tempat di pantai

Caspian.

Pantai Caspian mempunyai hawa

panas dan berwap dan daerah

itulah yang ramai sekali penduduk-penduduknya.

Zagros di barat laut ialah daerah

kedua paling ramai didiami orang.

Kemudian daripada itu, daerah sebelah

tengah Zagros dan beberapa bahagian

daripada dataran tinggi di sekitar

Isfahan, Hamadan, Shiraz dan

Kermanshah sampai ke Tehran. Bahagian

yang paling jauh ke timur dan

selatan, di mana hujan terlalu

sedikit, boleh dikatakan tidak ada